

Sungai Tembloh ibarat tong sampah

Oleh FARIK SALLEH
berita@kosmo.com.my

KOTA TINGGI – Penduduk Kampung Batu 25 di sini kesal dengan perbuatan pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan Sungai Tembloh, di sini sebagai ‘tong sampah’ sehingga menyebabkan aliran sungai itu tersumbat akibat dipenuhi sampah sarap.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, banyak sampah sarap yang terperangkap di bawah sebuah jambatan di sungai itu sehingga menyusahkan penduduk.

Seorang penduduk, **Ahmad**



Kamal Darman, 43, berkata, akibat tersumbat, kawasan tersebut sering dilanda banjir kilat setiap kali air pasang besar dan hujan lebat.

“Masalah ini bukannya baru tetapi sudah bertahun-tahun.

“Kalau mengadu kepada pihak berkaitan pun sekejap sahaja sampah sarap itu dibersihkan dan pihak yang tidak bertanggungjawab terus membuang sampah seperti biasa,” ceritanya kepada *Kosmo!*

Seorang lagi penduduk, **Siti Nor Abdullah**, 70, pula mengakui tidak larat lagi untuk membersihkan kawasan halaman

rumahnya ekoran sampah yang dibawa air sungai yang melimpah.

“Letih hendak mengemas rumah yang sering dinaiki air akibat limpahan air sungai terutama ketika hujan lebat sekali gus menyaksikan pekarangan rumah saya dipenuhi sampah sarap,” katanya.

Sementara itu, **Isa @ Othman Jali (gambar kecil)** pula berkata, pihak Jabatan Alam Sekitar dan agensi berkaitan perlu turun padang memantau persekitaran di situ serta menangani aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai tersebut.

“Sungai bukan tempat pembuangan sampah, mereka yang bersalah patut dikenakan tindakan tegas,” katanya.



BEBERAPA penduduk Kampung Batu 25 menunjukkan sampah sarap yang memenuhi Sungai Tembloh di Kota Tinggi semalam.